



**MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)**  
Agenzia Kementerian Pembangunan Luar Bandar



**KENYATAAN SEBUT HARGA  
(KHAS UNTUK BUMIPUTERA)**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal **Bumiputera** yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

**PERKHIDMATAN PENGIRAAN ELAUN KERUGIAN KREDIT (EXPECTED CREDIT LOSS -ECL)**

NO. SEBUT HARGA	KOD BIDANG	TEMPOH PENJUALAN DOKUMEN	HARGA SENASKAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP SEBUTHARGA
086/2022/0027	221803 ATAU 221804	01/08/2022 hingga 04/08/2022	RM5.00	Hari Khamis 18/08/2022 (sebelum 12.00 tengah hari)

2. Tawaran ini dilaksanakan melalui atas talian (online). Oleh itu pembekal DIWAJIBKAN membuat pendaftaran syarikat melalui laman web [www.sennego.com](http://www.sennego.com) sebelum menyertai tawaran ini. Sebarang pertanyaan mengenai pendaftaran ini, sila hubungi pusat khidmat pelanggan SENNEGO di talian 03-78854111 atau emel kepada [speedhelpdesk@commercedc.com.my](mailto:speedhelpdesk@commercedc.com.my)
3. Bagi membolehkan pembekal mengakses sistem dan memuat turun dokumen, pembekal boleh mendapatkan No Pin [dengan membuat pembelian di Kaunter Tender \(Tingkat 2\)](#) Ibu Pejabat MARA dan memastikan sijil-sijil berikut yang masih sah tempoh:
  - i) SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
  - ii) SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

Satu (1) salinan sijil-sijil di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan MARA dan MARA berhak menolak permohonan yang pada tanggapan MARA tidak layak.

4. Nombor Pin boleh diperolehi dengan mengemukakan bukti bayaran. Bayaran boleh dibuat secara **Bank Draf/Kiriman Wang/Wang Pos** atas nama **MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)** dengan nilai seperti yang tercatat di atas dan tidak akan dikembalikan. Satu (1) pembekal hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen tender bagi setiap tender dan mengemukakan satu (1) tawaran tender sahaja.
5. Hanya pembekal yang telah mendaftar syarikat dengan SENNEGO dan berjaya menyertai pasaran MARA serta mempunyai kod bidang seperti dinyatakan dibenarkan untuk membuat pembelian melalui <https://bayar.maraeps.my>
6. MARA tidak akan mengembalikan wang sekiranya terdapat kesalahan atau maklumat yang bercanggah dengan tawaran iklan. Satu (1) pembekal hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen tender bagi setiap tender dan mengemukakan satu (1) tawaran tender sahaja. No pin akan diproses oleh pihak MARA pada hari bekerja dan pembekal akan menerima emel makluman apabila no pin telah dijana.
7. Pembekal dikehendaki memuat turun semua dokumen tender melalui laman web [www.sennego.com](http://www.sennego.com) mulai **01/08/2022** hingga **04/08/2022**. Sebarang pengesahan pelawaan kali pertama selepas **05/08/2022** tidak akan dilayan. Sebarang pertanyaan dan semakan berkaitan Penjanaan No Pin boleh menghubungi Kaunter Tender di talian **03-26132224 / 32259 / 32262**.
8. Pembekal dikehendaki mengemukakan dokumen tender secara manual dan melalui atas talian (online) sebelum atau pada tarikh tutup tender.
9. Dokumen **Sebut harga** boleh didapati pada waktu pejabat (**8.30 pagi - 1.00 petang**) / (**2.00 petang -4.30 petang**) Hari Isnin - Khamis , (**8.30 pagi - 12.15 tengahari**) / (**2.45 petang -4.30 petang**) Hari Jumaat seperti alamat di bawah. Dokumen tawaran sebut harga tidak akan dijual selepas tempoh ini.
10. **Wakil syarikat adalah TIDAK DIBENARKAN** untuk membeli dokumen. Hanya **PEMILIK SYARIKAT / PENAMA** yang dibenarkan semasa membeli dokumen dengan mengemukakan **KAD PENGENALAN** dan **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT** dan **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA** dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** untuk pengesahan.
11. Semua kos berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah menjadi tanggungjawab pembekal.
12. MARA tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. MARA berhak untuk membatalkan atau menunda atau mengantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

13. Dokumen **Sebut harga** yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan No. **Sebut harga** dan **Tajuk Kerja** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut harga** seperti alamat di bawah :

**PENGARAH**  
**BAHAGIAN PENGURUSAN ASET & PEROLEHAN**  
**TINGKAT 2 (Kaunter Tender) LOT 3.15, IBU PEJABAT MARA,**  
**21, JALAN MARA, 50609 KUALA LUMPUR**

Pada atau sebelum tarikh tutup sebut harga jam 12.00 tengah hari

14. Dokumen sebut harga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup sebut harga tidak akan diterima dan ditolak. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh dilayari di <http://www.mara.gov.my>
15. Petender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh tutup sebut harga pada pukul 12.00 tengah hari sekiranya memilih menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.
16. Pembelian dokumen dan penghantaran Dokumen Sebut Harga perlu mematuhi Garis Panduan atau Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia atau Majlis Keselamatan Negara.